



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 66**

**14hb Julai 2022**

**No. 28**

---

---

**No. 668.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

**FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

**FATWA MENGENAI PENGESAHAN STATUS WAKAF DALAM SURAT IKATAN AMANAH (*TRUST DEED*) RUJUKAN JILID 1020 M.S 316 N0. 79 BERTARIKH 8 JUN 1961 DI ATAS TANAH LOT 5823, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG**

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 telah membincangkan Fatwa Mengenai Pengesahan Status Wakaf Dalam Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*) Rujukan Jilid 1020 M.S 316 N0. 79 Bertarikh 8 Jun 1961 Di Atas Tanah Lot 5823, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Fatwanya adalah seperti berikut:

- (a) Tanah Lot 5823, Mukim 12, Daerah Barat Daya adalah tanah wakaf khas bagi kepentingan Masjid Jamek Sungai Nibong pada kadar 1/3, dan 2/3 lagi adalah untuk faedah am umat Islam yang ditentukan oleh pemegang amanah berdasarkan Surat Ikatan Amanah (*Trust Deed*) Rujukan Jilid 10 M.S. 316 No. 79.
- (b) Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hendaklah dengan kadar segera melakukan proses perletakhakan lot tanah tersebut di atas nama MAINPP.
- (c) Sebarang transaksi ke atas lot tanah berkenaan oleh mana-mana pihak selain MAINPP selaku pemegang amanah tunggal adalah tidak sah dan terbatal serta merta dan hendaklah dikembalikan kepada pihak MAINPP.

Bertarikh 20 Jun 2022

[JMNPP/(S)/19/1101/002 KLT. 3(31); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 6]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR

*Mufti*

*Kerajaan Negeri Pulau Pinang*

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF PENANG) ENACTMENT 2004

FATWA UNDER SECTION 48

In exercise of the powers conferred by section 48 of the Administration of the Religion of Islam (State of Penang) Enactment 2004 [*Enactment 2*], on the assent of the Yang di-Pertuan Agong, the *Fatwa* Committee for the State of Penang, makes the *fatwa* as set out in the Schedule.

SCHEDULE

*FATWA MENGENAI PENGESAHAN STATUS WAKAF DALAM SURAT IKATAN AMANAH (TRUST DEED) RUJUKAN JILID 1020 M.S 316 NO. 79 BERTARIKH 8 JUN 1961 DI ATAS TANAH LOT 5823, MUKIM 12, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG*

*Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 telah membincangkan Fatwa Mengenai Pengesahan Status Wakaf Dalam Surat Ikatan Amanah (Trust Deed) Rujukan Jilid 1020 M.S 316 NO. 79 Bertarikh 8 Jun 1961 Di Atas Tanah Lot 5823, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Fatwanya adalah seperti berikut:*

- (a) Tanah Lot 5823, Mukim 12, Daerah Barat Daya adalah tanah wakaf khas bagi kepentingan Masjid Jamek Sungai Nibong pada kadar 1/3, dan 2/3 lagi adalah untuk faedah am umat Islam yang ditentukan oleh pemegang amanah berdasarkan Surat Ikatan Amanah (Trust Deed) Rujukan Jilid 10 M.S. 316 No. 79.*
- (b) Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) hendaklah dengan kadar segera melakukan proses perletakhakan lot tanah tersebut di atas nama MAINPP.*
- (c) Sebarang transaksi ke atas lot tanah berkenaan oleh mana-mana pihak selain MAINPP selaku pemegang amanah tunggal adalah tidak sah dan terbatal serta merta dan hendaklah dikembalikan kepada pihak MAINPP.*

Bertarikh 20 Jun 2022

[JMNP/(S)/19/1101/002 KLT. 3(31); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 6]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR  
*Mufti*  
*State Government of Penang*